

Pemuda perkukuh jentera pilihan raya

BH - 09/07/2007

Oleh Sazarina Shahrim

KUALA LUMPUR: Pemuda Umno perlu fokus dan memberi keutamaan terhadap persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang bagi mengekalkan kemenangan besar Barisan Nasional (BN).

Naib Ketuaanya, Khairy Jamaluddin, berkata setiap ahli Pemuda harus mengutamakan persediaan menghadapi pilihan raya dan membantu kerajaan melaksanakan janji pilihan raya sebelum ini tanpa mengendahkan tarikh sebenar ia akan diadakan.

Sehubungan itu, katanya, setiap negeri harus meningkatkan usaha mendaftar pemilih di kalangan ahli berikutan ramai ahli Pemuda berusia 18 hingga 21 tahun.

"Kita jangan anggap pilihan raya sudah dekat dan tidak perlu mendaftar kerana sudah terlambat. Kita masih sempat kalau pilihan raya umum tahun depan.. sebab itu kita jangan ber-



PENUH SEMANGAT: Khairy berucap pada majlis Perasmian Mesyuarat Pemuda Umno Bahagian Bukit Bintang, semalam.

teka-teki tarikh pilihan raya.

"Banyak lagi yang perlu kita peringkatkan... tiada guna bercakap tentang calon, kawasan mana bertanding kalau tidak dapat menjayakan perkara pokok iaitu janji pilihan raya," katanya pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Per-

wakilan Pemuda Umno Bukit Bintang di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Umno Bahagian Bukit Bintang, Datuk Abdul Azim Mohd Zabidi dan Ketua Pemuda Bahagian, Baderisham Jolly.

Khairy juga enggan mengulas ketika ditanya sama ada beliau akan

bertanding merebut jawatan Ketua Pemuda dalam pemilihan parti akan datang berikutan sokongan terbuka yang diberikan Bahagian Bukit Bintang, sebaliknya beliau mahu isu seperti itu tidak dijadikan fokus ketika ini.

"Apa yang penting sekarang ialah persiapan menghadapi pilihan raya jadi keutamaan dan supaya Pemuda bantu kerajaan laksanakan janji pilihan raya dulu... yang lain tak penting," katanya.

Beliau berkata, Pemuda harus bekerja keras dan mengurangkan politik untuk membantu membangunkan negara dan mempertahankan sosial kontrak sedia ada.

Khairy juga mahu Pemuda bertindak secara ilmiah dan tidak mengikut emosi apabila berdepan isu sensitif seperti kontroversi Duta dan Ketua Perwakilan Kesatuan Eropah (EU) ke Malaysia, Thierry Rommel yang mendakwa Dasar Ekonomi Baru (DEB) menjejaskan kemasukan syarikat asing.

MOHD YUSNI ARIFFIN | BERITA HARIAN